

Jenis Kata Kerja

Tentukan sama ada kata kerja yang ditebalkan huruf ialah kata kerja transitif (KKT) atau kata kerja tak transitif (KKTT)

Ayat	Jenis Kata Kerja
1. Jabatan Perhutanan perlu memastikan hutan dipelihara daripada manusia yang mementingkan keuntungan semata-mata.	
2. Kita perlu bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.	
3. Emak memasukkan secubit garam ke dalam kari ayam yang dimasaknya.	
4. Maria tersenyum melihat gambar konvokesyennya.	
5. Banyak pokok tumbang akibat ribut kencang yang berlaku tempoh hari.	
6. Mariam makan nasi goreng sebelum pergi ke sekolah.	
7. Saya belum mencuci kasut sekolah lagi.	
8. Melvis mendapatkan nasihat daripada guru kaunseling tentang bidang pengkhususannya.	
9. Linda menceritakan kampung halamannya.	
10. Adik menangis kerana kehilangan dompetnya.	
11. Pak Karim terpaksa menuai padinya secara tradisional kereana jentera penuainya telah rosak.	
12. Azilah berasa terkilan kerana tidak sempat melihat arwah neneknya buat kali terakhir.	